

**KETIDAKFAHAMAN PELAJAR TERHADAP ISTILAH TEKNIKAL BAHASA INGGERIS
DALAM PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
(COMMUNICATION – DEP)**

Mohd Rusmi Bin Abdul Ghani*, Hj Azman Bin Husin, Nadiyahul Akmar Binti Abdul Latif

Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu

Emel penulis: mohdrusmi@pkkt.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti ketidakfahaman pelajar terhadap istilah teknikal Bahasa Inggeris dalam Program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) (DEP) semester lima sesi JUN 2012. Objektif kajian adalah mengenalpasti punca masalah, meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap istilah teknikal Bahasa Inggeris. Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah soal selidik dan pemerhatian terhadap kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran adalah seramai 25 orang pelajar semester lima dari program DEP sesi JUN 2012. Berdasarkan analisa dapatan dari soal selidik dan pemerhatian, didapati pelajar yang menggunakan kamus istilah semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan menggunakan istilah teknikal bahasa inggeris hanya 29% sahaja. Manakala 76% Pelajar juga tidak membawa buku rujukan semasa berkuliah. Antara Aktiviti yang dijalankan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap istilah teknikal bahasa inggeris adalah aktiviti berbentuk ‘treasure hunt’ (mencari perkataan teknikal bahasa inggeris dalam kamus istilah), mengadakan kursus cara mencari bahan rujukan di perpustakaan menggunakan sistem pencarian berkomputer (e-poc), menggunakan konsep outcomes based Education (OBE) dan mencadangkan kepada bahagian akademik politeknik supaya proses pengajaran dan pembelajaran(P&P) kursus lain juga di ajar dalam bahasa inggeris. Hasil pemerhatian setelah tindakan dijalankan, kefahaman terhadap istilah kumpulan sasaran ini telah bertambah kepada 70% dari hasil tinjauan sebelum ini. Dari rumusan ini, dicadangkan supaya kepentingan pengetahuan istilah teknikal didedahkan seawal mungkin, iaitu semasa semester satu setelah mereka menjadi pelajar di politeknik ini.

Kata Kunci: pelajar, istilah teknikal, DEP

1.0 REFLEKSI KAJIAN

Politeknik telah melakukan satu perubahan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, Bahasa Inggeris telah digunakan sebagai bahasa pengantar menggantikan bahasa Malaysia. Perlaksanaannya bermula pada tahun 2003, tetapi penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak sepenuhnya iaitu secara berperingkat-peringkat sehinggalah penggunaan sepenuhnya pada tahun 2008. Dalam kajian yang dijalankan oleh Khadijah (2006), beliau mendapati penggunaan

Bahasa Inggeris oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik masih berada di peringkat sederhana. Dalam kajian yang dijalankan oleh Johari Surif, Nor Hasniza Ibrahim dan Meor Ibrahim Kamaruddin (2006), mendapati faktor bahasa pengantar dan tahap penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris berada pada tahap yang kurang memuaskan sekaligus menjadi permasalahan yang ketara dalam mempelajari Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Melalui tinjauan penyelidik, semasa proses P&P pada bulan pertama pengkuliah Sesi Jun 2012, didapati seramai 90% pelajar yang mengambil program *DEP5* tidak memahami istilah Bahasa Inggeris teknikal yang digunakan oleh pensyarah di dalam kelas. Ini menyebabkan proses P&P terganggu akibat ketidakfahaman istilah yang digunakan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus adalah untuk mengkaji punca kepada ketidakfahaman pelajar terhadap istilah teknikal Bahasa Inggeris dalam program *DEP semester lima sesi JUN 2012*.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca-punca ketidakfahaman istilah dalam program DEP
- Mengenalpasti punca-punca ketidakfahaman pelajar terhadap istilah teknikal bahasa inggeris.
- Meningkatkan peratusan pemahaman pelajar terhadap istilah teknikal program *DEP*.
- Meningkatkan minat pelajar terhadap penggunaan istilah teknikal dalam Bahasa Inggeris bagi program *DEP*.

4.0 KUMPULAN SASARAN


Kumpulan kajian ini terdiri daripada 25 orang pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) DEP semester 5 Sesi JUN 2012. Responden terdiri daripada 22 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan terlibat dalam kajian ini.

5.0 ANALISA TINJAUAN MASALAH

5.1 Soal Selidik

5.1.1 Punca Ketidakfahaman Istilah

Berdasarkan rajah 1, bagi item 1A dimana 100% responden telah bersetuju bahawa pensyarah menyebut istilah teknikal dalam bahasa inggeris semasa mengajar di dalam kelas. Manakala bagi item 2A pula pendedahan istilah teknikal dalam kursus lain didapati hanya 43% bersetuju tetapi 57% tidak bersetuju. Bagi item 3A iaitu menggunakan kamus istilah semasa belajar hanya 29% sahaja yang bersetuju manakala 71% tidak bersetuju. Seterusnya bagi item 4A, 48% bersetuju membuat tugas kursus dengan rujuk buku dalam bahasa inggeris dan 52% tidak bersetuju. Item 5A iaitu penggunaan istilah semasa perbincangan dalam kuliah 33% bersetuju manakala 67% tidak bersetuju. Bagi item 6A pensyarah menerangkan istilah teknikal inggeris kepada bahasa Malaysia sebanyak 90% bersetuju manakala 10% tidak bersetuju. Seterusnya item 7A membuat rujukan istilah menggunakan internet didapati 57% bersetuju dan 43% tidak bersetuju. Akhir sekali untuk item 8A hanya 48% bersetuju dan 52 tidak bersetuju telah mendapat pendedahan tentang istilah semasa di bangku sekolah lagi.




Rajah 1: Punca Ketidakhahaman Istilah Teknikal Bahasa Inggeris

Petunjuk Rajah 1;

ITEM	
1A	Saya dengar sebutan istilah teknikal dalam bahasa inggeris oleh pensyarah dalam kelas
2A	Saya didedahkan dengan istilah teknikal bahasa inggeris dalam kursus lain
3A	Saya menggunakan kamus istilah teknikal bahasa inggeris semasa belajar
4A	Saya membuat rujukan tugasan dalam buku Bahasa Inggeris
5A	Saya menggunakan istilah teknikal bahasa inggeris semasa perbincangan dalam kuliah
6A	Saya mendengar pensyarah menerangkan istilah teknikal bahasa inggeris dalam bahasa Malaysia
7A	Saya merujuk istilah teknikal bahasa inggeris di internet
8A	Saya mendapat pendedahan tentang istilah teknikal bahasa inggeris sejak dibangku sekolah lagi

5.1.2 Kefahaman Tentang Istilah Teknikal Bahasa Inggeris

Berdasarkan Rajah 2, bagi item 1B hanya 38% responden bersetuju faham maksud istilah yang disampaikan oleh pensyarah dan 62% tidak bersetuju. Manakala bagi item 2B mengenai kefahaman istilah sangat baik oleh pelajar hanya 24% bersetuju tetapi 76% tidak bersetuju. Bagi item 3B iaitu meminta bantuan rakan 76% bersetuju manakala 24% tidak bersetuju. Seterusnya bagi item 4B, 95% bersetuju meminta bantuan pensyarah sekiranya tidak faham dan 5% tidak bersetuju. Item 5B 100% bersetuju berusaha memahami apa yang dipelajari. Bagi item 6B meniru tugasan rakan didapati hanya 19% bersetuju manakala 81% tidak bersetuju.. Akhir sekali untuk item 7B hanya 19% bersetuju dan 81% tidak bersetuju responden menjadi rujukan oleh rakan sekuliah mengenai istilah.




Rajah 2 : Kefahaman Tentang Istilah Teknikal Bahasa Inggeris

Petunjuk Rajah 2;

ITEM	
1B	Saya faham maksud istilah teknikal bahasa inggeris yang disampaikan oleh pensyarah
2B	Kefahaman saya terhadap istilah teknikal bahasa inggeris sangat baik
3B	Saya meminta bantuan rakan sekiranya tidak faham
4B	Saya meminta bantuan pensyarah sekiranya tidak faham
5B	Saya berusaha memahami apa yang dipelajari
6B	Saya meniru tugas rakan sekiranya tidak faham
7B	Rakan-rakan merujuk saya tentang istilah teknikal bahasa inggeris

5.1.3 Minat Menggunakan Istilah Teknikal Bahasa Inggeris

Berdasarkan Rajah 3, bagi item 1C, 90% responden bersetuju menanda istilah dalam nota kuliah dan 62% tidak bersetuju. Manakala bagi item 2C membaca buku-buku rujukan dalam bahasa inggeris 52% bersetuju dan 48% tidak bersetuju. Bagi item 3C, iaitu merujuk kamus istilah dalam melaksanakan tugas 52% bersetuju manakala 48% tidak bersetuju. Seterusnya bagi item 4C, 52% bersetuju mencatat istilah teknikal sebagai rujukan dan 48% tidak bersetuju. Item 5C, pula 81% bersetuju fokus semasa pensyarah mengajar dan 19% tidak bersetuju. Bagi item 6C, menggunakan istilah teknikal bahasa inggeris dalam menjawab tugas hanya 38% bersetuju manakala 62% tidak bersetuju. Akhir sekali untuk item 7C, 100% bersetuju datang awal ke kelas.



Rajah 3: Minat Menggunakan Istilah Teknikal Bahasa Inggeris


Petunjuk Rajah 3;

ITEM	
1C	Saya menanda istilah-istilah teknikal inggeris dalam buku nota kuliah
2C	Saya membaca buku-buku rujukan dalam bahasa inggeris
3C	Saya merujuk kamus istilah teknikal bahasa inggeris dalam membuat tugasan
4C	Saya mencatat istilah-istilah teknikal bahasa inggeris sebagai rujukan saya
5C	Saya fokus semasa pensyarah menggunakan istilah teknikal inggeris di dalam kelas
6C	Saya menggunakan istilah teknikal bahasa inggeris dalam menjawab soalan tugasan
7C	Saya datang awal ke kelas

5.2 Pemerhatian

5.2.1 Punca Punca Ketidakhahaman Istilah

Berdasarkan Rajah 4, bagi item A1, dimana 90% responden didapati telah melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam aktiviti aktiviti pembelajaran dalam kelas dan 10% tidak mengambil bahagian dalam aktiviti aktiviti yang dijalankan. Bagi item A2 iaitu penggunaan kamus dalam kelas, didapati hanya 29% sahaja pelajar yang memanfaatkan kamus semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan 71% tidak menggunakannya. Dari segi penggunaan istilah bahasa inggeris dalam menyiapkan tugasan, sebanyak 52% responden mengaplikasikannya dan 48% lagi masih menggunakan bahasa melayu. Apabila diteliti semasa proses perbincangan didalam kelas, hanya 24% sahaja responden yang membawa buku rujukan manakala 76% lagi tidak membawa buku rujukan.




Rajah 4 : Punca-Punca Ketidakhahaman Istilah Bahasa Inggeris

Petunjuk Rajah 4;

A	Item
A1	Adakah pelajar melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam aktiviti pembelajaran dalam kelas
A2	Adakah pelajar menggunakan kamus istilah teknikal bahasa inggeris dalam proses P&P
A3	Adakah laporan tugas pelajar menggunakan istilah teknikal bahasa inggeris
A4	Adakah pelajar membawa buku rujukan semasa perbincangan di dalam kelas

5.2.2 Kefahaman Tentang Istilah

Berdasarkan Rajah 5, item B1 menunjukkan bahawa semua responden iaitu dengan skor 100% akan bertanya kepada pensyarah tentang maksud istilah teknikal dalam bahasa inggeris. bagi item B2 dan B3, sebanyak 29% responden menjawab soalan soalan tutorial tanpa merujuk kepada pensyarah dan rakan rakan dan 71% lagi akan mendapatkan rujukan samada dari pensyarah atau rakan rakan mereka. Manakala bagi item B4, sebanyak 62% responden memahami istilah istilah teknikal semasa pensyarah menyampaikan syarahan dan 38% daripada responden tidak memahaminya. Untuk item B5, 19% responden didapati meniru rakan sebelah semasa menjawab soalan kuiz dan 81% lagi menjawab soalan kuiz secara jujur. Sebagai rumusnya untuk item B6, 62% responden dapat menjawab soalan kuiz dengan lancar dan 38% tidak dapat menjawab soalan kuiz dengan lancar.




Rajah 5 : Kefahaman tentang istilah Teknikal Bahasa Inggeris

Petunjuk Rajah 5;

- | | |
|----|--|
| B1 | Adakah pelajar bertanya kepada pensyarah maksud istilah teknikal bahasa inggeris |
| B2 | Adakah pelajar menjawab soalan-soalan tutorial tanpa merujuk kepada pensyarah |
| B3 | Adakah pelajar menjawab soalan tutorial tanpa merujuk kepada rakan-rakan |
| B4 | Adakah pelajar memahami istilah teknikal ini semasa pensyarah menyampaikan syarahan. |
| B5 | Adakah pelajar meniru rakan sebelah semasa menjawab soalan kuiz |
| B6 | Adakah pelajar dapat menjawab soalan kuiz yang diberikan dengan lancar |

5.2.3 Minat Menggunakan Istilah Bahasa Inggeris

Berdasarkan Rajah 6 diatas, untuk item C1, C4 dan C5, didapati skor masing masing adalah sama iaitu sebanyak 84% responden datang awal kekelas, fokus semasa pensyarah mengajar dan menanda (*highlight*) istilah istilah teknikal dalam buku nota masing masing. Manakala 14% lagi didapati responden datang lewat kekelas, tidak memberi tumpuan semasa pensyarah mengajar dan tidak menanda istilah istilah yang mereka tidak faham dalam buku nota. Bagi item C2, sebanyak 43% responden membuat catatan dalam bahasa inggeris dan 57% lagi membuat catatan dalam bahasa melayu. Rumusan bagi item C3, didapati 52% responden meminta kepada pensyarah untuk mengadakan kelas tambahan bagi memantapkan lagi pengetahuan mereka manakala 48% tidak minat untuk mengadakan kelas tambahan.



Rajah 6: Minat Menggunakan Istilah Teknikal Bahasa Inggeris

Petunjuk Rajah 6;

- | |
|---|
| <p>C1 Adakah pelajar datang awal ke kelas</p> <p>C2 Adakah pelajar membuat catatan dalam bahasa inggeris</p> <p>C3 Adakah pelajar meminta untuk mengadakan kelas tambahan</p> <p>C4 Adakah pelajar fokus semasa pensyarah mengajar</p> <p>C5 Adakah pelajar <i>highlight</i> (menanda) istilah-istilah teknikal dalam buku nota</p> |
|---|

6.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Berdasarkan analisa yang dijalankan, didapati empat (4) punca utama yang menyebabkan pelajar tidak faham istilah teknikal bahasa inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu

- Kurangnya penggunaan kamus istilah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- Kurangnya membuat rujukan dengan buku bahasa inggeris.
- Kurangnya penggunaan istilah teknikal semasa perbincangan dalam kuliah
- Pendedahan bahasa inggeris yang tidak menyeluruh dalam kursus yang lain.

Melalui pemerhatian penyelidik, kedapatan ramai pelajar yang tidak menggunakan kamus istilah semasa proses pengajaran dan pembelajaran iaitu sebanyak 71%. Dalam kajian yang dijalankan oleh Rohiada (2004), beliau dapati istilah bukanlah soal makna dan konsep sahaja tetapi juga soal bahasa, soal penilaian bentuk yang betul dan yang sesuai. Jadi, amatlah penting bagi pelajar membawa kamus istilah dan menggunakannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran kerana selain daripada mengetahui makna istilah, mereka boleh mendapat bantuan pensyarah dalam menerangkan dengan lebih baik lagi bersesuaian dengan kursus yang diajar.

Dalam memperkukuhkan lagi pengetahuan tentang sesuatu topik yang diajar, bantuan daripada buku rujukan amatlah berkesan. Menurut hasil kajian Farahasnida (2004) yang mendapati, kesediaan pelajar kurang mencukupi dan menghadapi banyak masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah yang dihadapi oleh para pelajar adalah masalah dengan sebutan dan pemahaman istilah teknikal dalam Bahasa Inggeris serta masalah dalam menstrukturkan ayat. Ini menyebabkan pelajar jarang

bertanya soalan kerana kesukaran untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Skor 76% yang menunjukkan bahawa pelajar tidak menggunakan buku rujukan terutamanya buku dalam bahasa inggeris sebagai elemen sokongan menjadi salah satu punca kenapa pelajar tidak faham tentang istilah teknikal bahasa inggeris. Kebanyakan buku teknikal dalam bahasa inggeris boleh diperolehi melalui pinjaman di perpustakaan politeknik, tetapi masih ramai yang belum mempunyai kesedaran tentang itu.

Dalam sistem politeknik sekarang ini, semua kursus kecuali kursus agama Islam diwajibkan antara 50% hingga 100% mengajar dalam bahasa inggeris. Walaubagaimana pun, ianya tidak diamalkan secara menyeluruh dan ini telah dibuktikan melalui soal selidik yang dijalankan dimana sebanyak 58% responden mengatakan kursus selain daripada kursus telekomunikasi masih lagi tidak diajar dalam bahasa inggeris ini mengurangkan pendedahan kepada pelajar mengenai istilah dalam bahasa inggeris. Disini, penyelidik merasakan bahawa faktor ini memberi kesan langsung. Menurut Prof. Chiam Heng Keng (2002) menyatakan bahawa “*a more effective means (to increase students proficiency in English) is for students to use English as a tool of learning*” Ini menunjukkan kesediaan pensyarah mengajar dalam Bahasa Inggeris perlu ada untuk memberi kesan yang positif bagi pelajar mempelajari istilah teknikal bahasa inggeris.

Antara punca lain yang dikenalpasti oleh penyelidik ialah, kurangnya penggunaan istilah teknikal bahasa inggeris dalam perbincangan semasa kuliah sebanyak 71%. Oleh itu, kaedah pembelajaran secara perbincangan dengan menggunakan konsep OBE (*outcomes Based education*) perlu dilaksanakan untuk mengaktifkan suasana pembelajaran dan meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran. Usaha ini memerlukan kesedaran yang tinggi dikalangan pelajar kerana sesi perbincangan diluar kelas terutamanya melalui laman sosial kebiasaannya diluar kawalan pensyarah.

7.0 KESIMPULAN

Kajian yang telah dijalankan dapat mengenalpasti punca dan membantu pelajar dalam memahami istilah teknikal bahasa inggeris dalam program *DEP*. Disamping meningkatkan minat dan kesedaran pelajar terhadap pentingnya pengetahuan istilah teknikal terutama dalam bidang kejuruteraan. Tindakan Aktiviti yang dijalankan ini sepatutnya didedahkan kepada pelajar awal kemasukan mereka ke politeknik iaitu pada semester satu lagi.

Rujukan

- Khadijah Abdul Rahman (2006). Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Melaka Tengah, Melaka. Universiti Teknologi Malaysia:Projek Sarjana Muda
- Farahasnida binti Che Shariff (2004). Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Johari Surif, Nor Hasniza Ibrahim dan Meor Ibrahim Kamaruddin (2008) masalah pembelajaran matematik dalam bahasa inggeris di Kalangan pelajar sekolah menengah luar Bandar, Universiti Teknologi Malaysia.Projek Sarjana Muda
- Rohaida binti Abu Bakar (2004). Mengenalpasti istilah kejuruteraan elektrik yang bermasalah. Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.Tesis sarjana.